

>

04 AUG 2004

Mahathir-Pendidikan

GENERASI MUDA PUNYA TANGGUNGJAWAB MAJUKAN PENDIDIKAN NEGARA

PULAU PINANG, 4 Ogos (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini

berkata generasi muda perlu terus menerokai ilmu pengetahuan dan meningkatkan usaha dalam bidang penyelidikan sebagai jaminan untuk memastikan kemajuan negara berkekalan pada masa akan datang.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, negara ini telah menyediakan banyak kemudahan untuk membolehkan mereka terus mengejar kemajuan melalui bidang pendidikan.

Katanya, kerajaan telah memperuntukkan 25 peratus daripada bajet negara untuk bidang pendidikan dan ini merupakan peruntukan terbesar yang pernah diberikan oleh mana-mana negara untuk bidang itu.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah umum bertajuk

"Pendidikan dan Kecemerlangan - Cabaran Abad ke-21" pada siri ceramah Tunku

Abdul Rahman Putra 2004 anjuran bersama Universiti Sains Malaysia (USM),

Yayasan Penang Free School dan Institut Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Alam

Sekitar (SERI), di sini.

Dr Mahathir berada di Pulau Pinang kerana menerima Ijazah Kehormat

Doktor Sains daripada USM sempena konvokesyennya yang ke-33, hari ini.

Beliau berkata, pendidikan di negara ini amat murah jika dibandingkan

dengan negara lain dan ramai pelajar asing datang ke sini untuk menimba

ilmu pengetahuan yang mereka anggap mencapai tahap pendidikan di abad

ke-21.

"Dengan kemudahan persekolahan di semua peringkat daripada pendidikan

rendah, menengah sehingga ke peringkat tinggi, tidak mustahil bagi Malaysia

menjadi pusat kecemerlangan pendidikan bukan sahaja untuk rantau ini malahan dunia," katanya.

Beliau juga menjelaskan bahawa bidang pendidikan dan kecemerlangan

sebenarnya bergerak seiring kerana kewujudan sesebuah tamadun dunia itu

banyak berasas kepada pengetahuan dan pendidikan.

Sehubungan itu beliau berkata, adalah menjadi tanggungjawab generasi muda untuk meneruskan usaha memburu ilmu kerana hanya melalui ilmu pengetahuan mereka dapat mencipta kemajuan dan kejayaan.

"Mereka tidak boleh lari dari tanggungjawab itu kerana negara tidak akan maju tanpa kecemerlangan pendidikan," katanya.

Pada sesi dialog bersama pelajar Sekolah Penang Free selepas ceramah itu, beliau berkata, adalah sesuatu yang mustahil untuk seorang guru mengajar terlalu ramai murid dengan berkesan.

Sejajar dengan perkembangan Koridor Raya Multimedia (MSC) di negara ini, beliau mencadangkan supaya guru yang terbaik membangunkan perisian pendidikan bagi mata pelajaran tertentu agar ia boleh digunakan bukan sahaja oleh pelajar di sekolah malahan di rumah dan di mana sahaja secara berulang kali.

"Guru-guru juga boleh belajar bersama-sama pelajar mereka bagi memastikan kecemerlangan pendidikan terjamin," katanya.

Ketika menjawab satu soalan yang lain, beliau tidak mahu pelajar menganggap peperiksaan itu sebagai sesuatu yang membebankan mereka kerana setakat ini tiada sistem yang lebih baik daripada itu untuk mengukur prestasi dan kecemerlangan pelajar.

"Kita tidak boleh mengetahui sama ada seseorang itu pandai atau sebaliknya hanya dengan cara melihat wajah mereka. Kadangkala ada orang yang nampak cerdik tetapi mempunyai tahap pendidikan yang amat rendah manakala seorang yang lain pula mungkin sangat pandai walaupun rupa mereka tidak nampak cerdik," katanya.

-- BERNAMA

ZU BK